

Suara

EDISI JAN - JUN 2023

 MITASA



MITASA

50 Tahun MITASA Terus Melangkah

- Ulang Tahun ke 50 dan EGM MITASA
- Program Kayuhan Santai Merdeka
- Merdeka Hari Tua bersama KWSP
- Kejohanan Bowling Hari Akademia
- NR-Mitasa Foodbank bantu pelajar dan kakitangan

Mitasa hadir Kongres Tritahunan CUEPACS



Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) buat julung kalinya telah menyertai Kongres Tritahunan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) kali ke-28 yang telah diadakan pada 17-19 Disember 2022 bertempat di Shah Alam Convention Centre, Shah Alam Selangor.

Sebagaimana ketetapan oleh CUEPACS, pihak MITASA telah diwakili oleh 10 orang perwakilan yang terlebih dahulu

telah disyitiharkan menang tanpa bertanding sebagai perwakilan MITASA ke Kongres CUEPACS semasa mesyuarat Agung Luar Biasa yang telah diadakan pada 15 Oktober 2022.

Perwakilan MITASA terdiri daripada Ahmad Faisal Mohamed Fiah, Saharuddin Lin, Dr Mazlan Che Soh, Dr Faridah Hussain, Datin Hajah Marina Ismail, Nor Azlin Rosli, Prof Madya Dr Zulkifli Latif, Hisyam Che Mat, Dr Zaid Mujayid Putra Ahmad Baidowi dan Syarifah Yuliana Syed

Ali Hanafiah.

Kongres kali ini menyaksikan pertandingan bagi memilih kepimpinan tertinggi CUEPACS, dan penyandang, Dato Adnan Mat telah menang jawatan Presiden dengan menewaskan Tuan Haji Zulkifli Mohamad, yang juga merupakan Presiden Kesatuan Kakitangan Umum Universiti Teknologi Mara (KKUiTM). Majlis turut diserikan dengan majlis makan malam yang dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Dato Seri Amiruddin Shaari.

Kejohanan bowling sempena Hari Akademia

Bagi meraikan warga pendidik sempena Hari Akademia 2022 dan sambutan Jubli Emas, MITASA tampil menganjurkan Kejohanan Tenpin Bowling yang telah berlangsung pada 23 Oktober 2022 di Alam Lanes, Aeon Mall Shah Alam.

Lebih 25 pasukan melibatkan empat wakil dari UiTM seluruh negara tampil berentap pada kejohanan berkenaan dengan mempertaruhkan nilai jatuhan pin tertinggi. Bukan hanya dari Selangor, malah dari Perlis, Kedah, Johor dan sebagainya, ahli-ahli MITASA ini sanggup turun padang untuk beraksi sekaligus menyokong kejohanan yang diadakan berkenaan.

Keakraban silaturahmi yang ditunjukkan melalui aktiviti seperti ini sedikit sebanyak membantu MITASA untuk melangkah lebih jauh masa akan datang, terutamanya untuk proses penganjuran program dan kejohanan

yang lebih besar selepas ini. Untuk kejohanan kali ini, juara pasukan lelaki diungguli oleh pasukan dari KKUiTM Arau Perlis manakala juara pasukan perempuan pula dimenangi oleh kumpulan yang diberi nama Dolls With Balls.

Presiden MITASA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah semasa menyampaikan ucapan perasmian kejohanan memberitahu, MITASA akan menjadikan aktiviti sukan dan kejohanan seperti itu sebagai acara tahunan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara peserta dan kepimpinan MITASA sendiri. Selain itu, katanya, dengan aktiviti sukan tersebut akan memberi semangat dan kesihatan yang baik kepada semua peserta yang masing-masing sentiasa sibuk dengan tugas harian mengendalikan pengurusan dan proses pembelajaran di UiTM.

